

**ENAKMEN 7 TAHUN 2001  
ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (TAKZIR) (TERENGGANU) 2001**

**BAHAGIAN VII - KECUALIAN AM**

---

**Seksyen 61. Perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau Perintah Mahkamah.**

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan menurut, atau yang diwajibkan oleh, penghakiman atau perintah Mahkamah, jika dilakukan semasa penghakiman atau perintah itu masih berkuat kuasa, walaupun Mahkamah itu tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat penghakiman atau perintah itu jika orang yang melakukan perbuatan itu percaya dengan suci hati bahawa Mahkamah itu mempunyai bidang kuasa untuk membuat penghakiman atau perintah itu.

---